

0520

R B103 AAB

BERNAMA MENGELUARKAN TEKS PENUH UCAPAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, PADA PELANCARAN LAPORAN MUKTAMAD SURUHANJAYA SELATAN DI CARACAS, VENEZUELA PADA HARI INI (3 OGOS). UCAPAN ITU DIEMBARGO SEHINGGA PUKUL 11 MALAM. TEKS ITU MENGANDUNGI 26 PERENGGAN. -- BERNAMA

MAHATHIR - TEKS

1. SAYA AMAT BERBESAR HATI KERANA DIBERI PELUANG BERCAKAP SEPATAH DUA KATA PADA MAJLIS YANG BERSEJARAH INI. INI JUGA SATU PERISTIWA YANG PATUT DIBANGGAKAN BAGI KITA DI SELATAN KERANA SELEPAS USAHA YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH KITA TELAH BERJAYA MENGHASILKAN SATU LAPORAN YANG DAPAT MENCORAKKAN KERJASAMA YANG LEBIH ERAT DI ANTARA SELATAN-SELATAN.

2. DARIPADA SATU-SEGI, KITA BERADA DI SINI HARI INI PADA AKHIR PENGEMBARAAN YANG JAUH. SEMUA PENGEMBARAAN BERMULA DENGAN LANGKAH-LANGKAH PERTAMA. LANGKAH PERTAMA BERMULA DI KUALA LUMPUR DALAM BULAN MEI 1986 APABILA PARA PEMIMPIN, AHLI-AHLI AKADEMIK DAN SARJANA-SARJANA DARI SELATAN BERTEMU PADA SATU PERSIDANGAN YANG DIANJURKAN OLEH YAYASAN DUNIA KETIGA DAN INSTITUT KAJIAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA MALAYSIA. KENYATAAN KUALA LUMPUR YANG DITERIMANYA MENGISYTIHARKAN BAHAWA ADALAH +PERLU BAGI SELATAN UNTUK MENILAI SEMULA KEDUDUKANNYA DAN MERANGKA SATU HALUAN BAGI MASA DEPANNYA. SEHUBUNGAN ITU, KAMI MENCADANGKAN SUPAYA DIWUJUDKAN SATU SURUHANJAYA BEBAS BAGI SELATAN MENGENAI ISU-ISU PEMBANGUNAN.+

3. DENGAN DIGERAKKAN OLEH KENYATAAN INI, SAYA TELAH MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCIAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI HARARE PADA BULAN SEPTEMBER 1986. SEJURUS SELEPAS PEMBUKAAN RASMI, SAYA TELAH PERGI KE DAR-ES-SALAM UNTUK MENJEMPUT PRESIDEN JULIUS NYERERE MENJADI PENERUSI SURUHANJAYA ITU. SURUHANJAYA ITU DAN PENERUSINYA TELAH DIUMUMKAN PADA HARI KEEMPAT MESYUARAT KETUA NEGARA DAN KERAJAAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI YANG KELAPAN. PADA HARI ITU KETIKA SUASANA DAN TEPUKAN TIDAK BEGITU BERSEMANGAT, SAYA MASIH MENINGATI DENGAN JELAS SAMBUTAN PENUH BERSEMANGAT YANG TERBIT SECARA SPONTAN DARIPADA PARA HADIRIN. -- LAGI

1302MST 03 08 90

D523

R B105 AAB  
MAHATHIR - TEKS 2

4. ANTARA HARI ITU DAN HARI INI, TERNYATA BANYAK USAHA DAN KETEKUNAN DILAKUKAN DAN KALAU BOLEH SAYA KATAKAN, SUNGGUH BERSEMANGAT. ADALAH TEPAT BAGI PENGEMBARAAN ITU YANG BERMULA DI KUALA LUMPUR EMPAT TAHUN LEPAS HARUS BERAKHIR PADA HARI INI DI CARACAS. PADA BULAN MEI 1986 APABILA PARA SARJANA DARI SELATAN BERDEBAT MENGENAI IDEA UNTUK DIADAKAN SURUHANJAYA SELATAN, MEREKA MENDAPAT GALAKAN DARIPADA BANYAK CADANGAN YANG MEMPUNYAI HASRAT DAN TUJUAN YANG SAMA.

5. DENGAN SIAPNYA LAPORAN SURUHANJAYA SELATAN ITU IA MENANDAKAN SATU KEJAYAAN BESAR YANG DITEROKAI OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN. KEJAYAAN ITU HANYA MENANDAKAN SATU KEJAYAAN DALAM PENGEMBARAANNYA DAN TIDAK MENANDAKAN PENGHUJUNG JALAN.

6. TERDAPAT BANYAK LAPORAN DAN SURUHANJAYA SEPERTI ITU PADA MASA LAMPAU. KITA PERLU BERBANGGA KERANA PADA HAKIKATNYA, BUAT PERTAMA KALINYA, LAPORAN MENGENAI SELATAN ITU IALAH SATU USAHA TULEN DARI NEGARA-NEGARA SELATAN, OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN, BAGI NEGARA-NEGARA SELATAN. IA JUGA DITULIS OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN DAN DIBIYAI OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PENERUSNYA. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA ITU. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA SEKRETARIATNYA.

7. UNTUK MENDAPAT KEPASTIAN, LAPORAN ITU AKAN DITELITI SECARA TERPERINCI. SEMEMANGNYA, IA MESTI DITELITI DENGAN SECARA KRITIKAL. SUDAH TENTU ADA GOLONGAN MAHU MEMPERKECILKAN KEJAYAAN SURUHANJAYA ITU DENGAN MENGATAKAN BAHAWA APA YANG KITA ADA HANYALAH SATU LAGI DOKUMEN AKADEMIK. KEDUA-DUA PUK BERHALUAN KANAN ATAU BERHALUAN KIRI TIDAK AKAN BERPUAS HATI.

-- LAGI

1309MST 03 08 90

D577

D523

R B105 AAB  
MAHATHIR - TEKS 2

4. ANTARA HARI ITU DAN HARI INI, TERNYATA BANYAK USAHA DAN KETEKUNAN DILAKUKAN DAN KALAU BOLEH SAYA KATAKAN, SUNGGUH BERSEMANGAT. ADALAH TEPAT BAGI PENGEMBARAAN ITU YANG BERMULA DI KUALA LUMPUR EMPAT TAHUN LEPAS HARUS BERAKHIR PADA HARI INI DI CARACAS. PADA BULAN MEI 1986 APABILA PARA SARJANA DARI SELATAN BERDEBAT MENGENAI IDEA UNTUK DIADAKAN SURUHANJAYA SELATAN, MEREKA MENDAPAT GALAKAN DARIPADA BANYAK CADANGAN YANG MEMPUNYAI HASRAT DAN TUJUAN YANG SAMA.

5. DENGAN SIAPNYA LAPORAN SURUHANJAYA SELATAN ITU IA MENANDAKAN SATU KEJAYAAN BESAR YANG DITEROKAI OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN. KEJAYAAN ITU HANYA MENANDAKAN SATU KEJAYAAN DALAM PENGEMBARAANNYA DAN TIDAK MENANDAKAN PENGHUJUNG JALAN.

6. TERDAPAT BANYAK LAPORAN DAN SURUHANJAYA SEPERTI ITU PADA MASA LAMPAU. KITA PERLU BERBANGGA KERANA PADA HAKIKATNYA, BUAT PERTAMA KALINYA, LAPORAN MENGENAI SELATAN ITU IALAH SATU USAHA TULEN DARI NEGARA-NEGARA SELATAN, OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN, BAGI NEGARA-NEGARA SELATAN. IA JUGA DITULIS OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN DAN DIBIYAI OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PENERUSNYA. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA ITU. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA SEKRETARIATNYA.

7. UNTUK MENDAPAT KEPASTIAN, LAPORAN ITU AKAN DITELITI SECARA TERPERINCI. SEMEMANGNYA, IA MESTI DITELITI DENGAN SECARA KRITIKAL. SUDAH TENTU ADA GOLONGAN MAHU MEMPERKECILKAN KEJAYAAN SURUHANJAYA ITU DENGAN MENGATAKAN BAHAWA APA YANG KITA ADA HANYALAH SATU LAGI DOKUMEN AKADEMIK. KEDUA-DUA PUK BERHALUAN KANAN ATAU BERHALUAN KIRI TIDAK AKAN BERPUAS HATI.

-- LAGI

1309MST 03 08 90

D577

R B112 AAB  
MAHATHIR - TEKS 3

8. TETAPI KEADAAN SEMULAJADINYA, SATU LAPORAN YANG SEIMBANG -- YANG SEMEMANGNYA PERLU ADA DALAM LAPORAN SURUHANJAYA SELATAN -- TIDAK BOLEH MEMUASKAN SETIAP PIHAK PELAMPAU ATAU SESUAI DENGAN KEPERLUAN SEMUA NEGARA SELATAN. BEBERAPA SYOR BOLEH JUGA MEMPUNYAI KAITAN KEPADA SEMUA NEGARA SELATAN.

9. BERCAKAP BAGI DIRI SAYA, BENARKANLAH SAYA MENGATAKAN BAHAWA SAYA MENYOKONG PENUH TEMA LAPORAN ITU BAHAWA SELATAN HARUS MENGGERAKKAN DIRINYA, DAN Mencari jalannya sendiri di dunia. TIDAK DINAFIKAN TENTANG PERLUNYA DIBERIKAN BANTUAN. TETAPI KITA DI SELATAN TIDAK BOLEH MELUPAKAN BAHAWA BANTUAN YANG PALING PENTING YANG KITA PERLUKAN ADA PADA PENGHUJUNG TANGAN KANAN KITA SENDIRI. SEMEMANGNYA MENGIKUT SEJARAH, TIDAK ADA SESIAPA YANG BOLEH MELAKUKAN SESUATU YANG BURUK KEPADA KITA MELAINKAN APA YANG KITA LAKUKAN KEPADA DIRI SENDIRI. TIDAK ADA SESIAPA YANG BOLEH MELAKUKAN SESUATU BAGI KITA YANG SAMA PENTING SEPERTI YANG DAPAT KITA LAKUKAN BAGI DIRI KITA SENDIRI. SIKAP MEMPERCAYAI DIRI SENDIRI PERLU MENJADI TEMA PADA PERINGKAT KEBANGSAAN DAN PERINGKAT ANTARABANGSA.

10. SAYA JUGA MENYOKONG FALSAFAH YANG DIHURAIKAN DALAM KONTEKS HUBUNGAN SELATAN-UTARA. KITA MESTI BERMULA DARIPADA ASAS-ASAS REALISME. TIDAK ADA FAEDAH YANG DIPEROLEHI SEKIRANYA KITA +MENENTANG NEGARA-NEGARA UTARA.+ BAGI KITA, YANG MEMPERCAYAI TENTANG PERLUNYA KERJASAMA SELATAN-SELATAN, TIDAK BERKOMPLOT TERHADAP NEGARA-NEGARA UTARA. KITA PERCAYA DALAM MENYATUPADUKAN KEKUATAN KITA, DALAM MENGAMBIL PELUANG TERHADAP POTENSI-POTENSI KERJASAMA ANTARA KITA, DALAM MENGADAKAN DIALOG DENGAN NEGARA-NEGARA UTARA DAN UNTUK BERSUARA DALAM HAL EHWAL DUNIA. -- LAGI  
1333MST 03 08 90

D557

R B117 AAB  
MAHATHIR - TEKS 4

11. MASANYA UNTUK HANYA BERCAKAP TELAH LAMA BERLALU. IA AKAN MENJADI TAMPARAN KEPADA KITA SEKIRANYA LAPORAN SURUHANJAYA SELATAN BENAR-BENAR MENJADI SATU PERJANJIAN AKADEMIK SAHAJA, DAN HANYA MENGUMPUL ABUK DI RAK BUKU.

12. SAYA YAKIN BAHAWA LAPORAN SURUHANJAYA SELATAN TIDAK AKAN DIKETEPIKAN DAN DILUPAI. BERBEZA DENGAN LAPORAN-LAPORAN YANG TERDAHULU, LANGKAH-LANGKAH TELAH DIAMBIL UNTUK MEMASTIKAN PERKARA ITU TIDAK AKAN BERLAKU. SEKURANG-KURANGNYA, LAPORAN SURUHANJAYA SELATAN AKAN MENJADI AGENDA PERSIDANGAN G-15, YANG DIANGGOTAI BUKAN SAHAJA OLEH MALAYSIA DAN VENEZUELA TETAPI JUGA OLEH 13 NEGARA LAIN YANG KOMITED DALAM MEMPERTINGKATKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN. YANG PASTI, BEBERAPA SYOR SURUHANJAYA ITU TELAH MENJADI KENYATAAN, SEBELUM IANYA DICETAK.

13. SURUHANJAYA ITU MENGESYORKAN +PENYERTAAN KETUA-KETUA NEGARA ATAU KERAJAAN DALAM RUNDINGAN YANG LEBIH KERAP. PERSIDANGAN KEMUNCIAK KUMPULAN PERUNDING DAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN TELAHPUN DIADAKAN DI KUALA LUMPUR. IA AKAN MENGADAKAN MESYUARAT FORMALNYA YANG KEDUA DI CARACAS PADA TAHUN DEPAN.

14. SURUHANJAYA ITU BERPENDAPAT BAHAWA +CADANGAN UNTUK MEWUJUDKAN SEKRETARIAT SELATAN MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA+. SATU KUMPULAN PENANDU MENGANUNGI TIGA MENTERI LUAR (DARI SENEGAL, VENEZUELA DAN MALAYSIA) TELAH DIBENTUK DAN SATU +KUMPULAN PAKAR-PAKAR PROFESIONAL+ AKAN MENJADI KENYATAAN. -- LAGI  
1447MST 03 08 90

R B131 AAB

MAHATHIR - TEKS 5

15. SURUHANJAYA ITU MENCADANGKAN SUPAYA +DALAM BIDANG KERJASAMA KEWANGAN, PERHATIAN UTAMA PERLU DIBERIKAN KEPADA PENGUKUHAN LAGI URUSAN PEMBAYARAN DI PERINGKAT WILAYAH DAN WILAYAH KECIL SERTA KEMUDAHAN KREDIT EKSPORT+. SAYA SUKACITA UNTUK MELAPORKAN BAHAWA MALAYSIA BERSAMA-SAMA NEGARA-NEGARA LAIN TELAH BERSETUJU MEWUJUDKAN MEKANISME KEWANGAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN LAGI PERDAGANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA SELATAN. PADA HARI INI, SAYA BERBESAR HATI MENGUMUMKAN KEPADA SAUDARA-SAUDARA BAHAWA VENEZUELA DAN MALAYSIA TELAH BERSETUJU MENGADAKAN PENGURUSAN PEMBAYARAN DUA HALA. RANCANGAN YANG SERUPA AKAN JUGA DIADAKAN DENGAN ARGENTINA, BRAZIL, CHILE, MEXICO DAN PERU DI AMERIKA SELATAN. BERHUBUNG DENGAN BENUA AFRIKA, LANGKAH-LANGKAH TELAH DIAMBIL UNTUK MENGADAKAN PENGURUSAN PEMBAYARAN DUA HALA DENGAN ALGERIA, BOTSWANA, MESIR, MAGHRIBI, MOZAMBIQUE, NIGERIA, ZAMBIA DAN ZIMBABWE. DI ASIA, KITA AKAN MEMPERLUASKAN KONSEP ITU -- YANG KINI SEDIA ADA DENGAN IRAN -- DENGAN IRAQ, MYANMAR DAN PAKISTAN.

16. DALAM PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA ATAU ASEAN, BENTUK URUSAN PEMBAYARAN TELAH WUJUD. SURUHANJAYA SELATAN MENGESYORKAN SUPAYA KEMUDAHAN ITU JUGA DIWUJUDKAN DI SETIAP PELUSUK DUNIA. SAYA SUKACITA MENGUMUMKAN BAHAWA MALAYSIA AKAN MENGADAKAN SATU MESYUARAT DENGAN BANK-BANK PUSAT DALAM BULAN NOVEMBER UNTUK MENCUBA MENJALANKAN KONSEP ITU.

17. SELARI DENGAN PEMIKIRAN SURUHANJAYA SELATAN, MALAYSIA TELAH MENGGUBAL BIDANG TUGAS BAGI PELABURAN SELATAN, PERDAGANGAN DAN PERTUKARAN DATA TEKNOLOGI. DENGAN IZIN TUHAN, DALAM BULAN NOVEMBER TAHUN INI KITA AKAN MENGADAKAN MESYUARAT KUMPULAN PAKAR MENGENAI PERKARA ITU.

18. SURUHANJAYA SELATAN MENGESYORKAN SUPAYA +KERJASAMA ANTARA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN PERNIAGAAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA SELATAN PERLU DIGALAKKAN DI PERINGKAT DUA HALA, WILAYAH KECIL, WILAYAH DAN ANTARA WILAYAH+. SAYA GEMBIRA UNTUK MELAPORKAN BAHAWA YUGOSLAVIA TELAH BERSETUJU MENGADAKAN FORUM PELABURAN DAN PERNIAGAAN BAGI SELATAN. -- LAGI.

1553MST 03 08 90

MAHATHIR - TEKS 5

15. SURUHANJAYA ITU MENCADANGKAN SUPAYA +DALAM BIDANG KERJASAMA KEWANGAN, PERHATIAN UTAMA PERLU DIBERIKAN KEPADA PENGUKUHAN LAGI URUSAN PEMBAYARAN DI PERINGKAT WILAYAH DAN WILAYAH KECIL SERTA KEMUDAHAN KREDIT EKSPORT+. SAYA SUKACITA UNTUK MELAPORKAN BAHAWA MALAYSIA BERSAMA-SAMA NEGARA-NEGARA LAIN TELAH BERSETUJU MEWUJUDKAN MEKANISME KEWANGAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN LAGI PERDAGANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA SELATAN. PADA HARI INI, SAYA BERBESAR HATI MENGUMUMKAN KEPADA SAUDARA-SAUDARA BAHAWA VENEZUELA DAN MALAYSIA TELAH BERSETUJU MENGADAKAN PENGURUSAN PEMBAYARAN DUA HALA. RANCANGAN YANG SERUPA AKAN JUGA DIADAKAN DENGAN ARGENTINA, BRAZIL, CHILE, MEXICO DAN PERU DI AMERIKA SELATAN. BERHUBUNG DENGAN BENUA AFRIKA, LANGKAH-LANGKAH TELAH DIAMBIL UNTUK MENGADAKAN PENGURUSAN PEMBAYARAN DUA HALA DENGAN ALGERIA, BOTSWANA, MESIR, MAGHRIBI, MOZAMBIQUE, NIGERIA, ZAMBIA DAN ZIMBABWE. DI ASIA, KITA AKAN MEMPERLUASKAN KONSEP ITU -- YANG KINI SEDIA ADA DENGAN IRAN -- DENGAN IRAQ, MYANMAR DAN PAKISTAN.

16. DALAM PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA ATAU ASEAN, BENTUK URUSAN PEMBAYARAN TELAH WUJUD. SURUHANJAYA SELATAN MENGESYORKAN SUPAYA KEMUDAHAN ITU JUGA DIWUJUDKAN DI SETIAP PELUSUK DUNIA. SAYA SUKACITA MENGUMUMKAN BAHAWA MALAYSIA AKAN MENGADAKAN SATU MESYUARAT DENGAN BANK-BANK PUSAT DALAM BULAN NOVEMBER UNTUK MENCUBA MENJALANKAN KONSEP ITU.

17. SELARI DENGAN PEMIKIRAN SURUHANJAYA SELATAN, MALAYSIA TELAH MENGGUBAL BIDANG TUGAS BAGI PELABURAN SELATAN, PERDAGANGAN DAN PERTUKARAN DATA TEKNOLOGI. DENGAN IZIN TUHAN, DALAM BULAN NOVEMBER TAHUN INI KITA AKAN MENGADAKAN MESYUARAT KUMPULAN PAKAR MENGENAI PERKARA ITU.

18. SURUHANJAYA SELATAN MENGESYORKAN SUPAYA +KERJASAMA ANTARA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN PERNIAGAAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA SELATAN PERLU DIGALAKKAN DI PERINGKAT DUA HALA, WILAYAH KECIL, WILAYAH DAN ANTARA WILAYAH+. SAYA GEMBIRA UNTUK MELAPORKAN BAHAWA YUGOSLAVIA TELAH BERSETUJU MENGADAKAN FORUM PELABURAN DAN PERNIAGAAN BAGI SELATAN. -- LAGI.

1553MST 03 08 90

0586

R B134 AAB  
MAHATHIR - TEKS 6

19. SURUHANJAYA SELATAN DALAM HUJAHNYA BERPENDAPAT BAHAWA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, KEUTAMAAN PERLU DIBERI KEPADA PENGENALAN DAN PEMBANGUNAN PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN YANG TERPILIH DAN PENGWUJUDAN FELLOWSHIP SELATAN UNTUK MEMUDAHKAN PERGERAKAN ANTARA PELAJAR, GURU DAN MEREKA YANG TERBABIT DALAM BIDANG PENDIDIKAN. MALAYSIA KINI MENGADAKAN RUNDINGAN SERIUS BERHUBUNG PENUBUHAN PUSAT-PUSAT ITU DAN AKAN MEMPERLUASKAN FELLOWSHIP DAN BIASISWA YANG SEKARANG DIBERIKAN KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

20. SURUHANJAYA SELATAN MENGESYORKAN SUPAYA SETIAP NEGARA MEWUJUDKAN SATU JAWATANKUASA KEBANGSAAN UNTUK MENASIHATI KERAJAAN, MENGGERAKKAN PENDAPAT ORANG RAMAI DALAM MENYOKONG KERJASAMA SELATAN-SELATAN, DAN UNTUK MENGGALAKKAN HUBUNGAN ANTARA RAKYAT DENGAN RAKYAT. MALAYSIA AKAN MEMPERKUKUHKAN MEKANISME YANG SEDIA ADA DAN AKAN MEMPERTANGGUNGJAWABKAN JAWATANKUASA KEBANGSAAN ITU DENGAN TUGAS MENKAJI DAN MENGEMBANGKAN CADANGAN-CADANGAN SURUHANJAYA SELATAN DAN CADANGAN LAIN BAGI KERJASAMA SELATAN-SELATAN DARIPADA PIHAK-PIHAK LAIN.

21. KITA MUNGKIN MENDAPATI DALAM BIDANG-BIDANG YANG LAIN, HANYA SEBAHAGIAN DARIPADA NEGARA-NEGARA SELATAN BOLEH MENYERTAI DAN BERTINDAK SECARA BERSAMA. SAYA BERPENDAPAT SEKIRANYA BEGITU KEADAANNYA, KITA PERLU MENCADANGKAN, SAMBIL MENGGALAKKAN ORANG LAIN MENYERTAINYA BILA DAN DI MANA MEREKA BOLEH. -- LAGI.  
1607MST 03 08 90

R B150 AAB

MAHATHIR - TEKS 7

22. SURUHANJAYA SELATAN MENAMAKAN LAPORAN ITU +CABARAN BAGI SELATAN+. PENGGUNAAN PERKATAAN +CABARAN+ SEBAGAI ASAS LAPORAN ITU, MEMANG KENA PADA TEMPATNYA.

23. KONFLIK TIMUR-BARAT TELAH BERAKHIR. IA DITANDAKAN DENGAN PEMISAHAN DUNIA OLEH TABIR BESI DARIPADA PERSETERUAN, KEBENCIAN DAN PRASANGKA. KINI ADA DI KALANGAN MEREKA YANG BIMBANG BAHAWA LUANG BAGI KONFLIK TIMUR-BARAT AKAN DIGANTIKAN OLEH KONFLIK UTARA-SELATAN. SAYA TIDAK BERSETUJU DENGAN PENDAPAT ITU. KONFLIK MENJADI LEBIH SERIUS DAN BERTERUSAN SEKIRANYA KEKUATAN BERTEMU KEKUATAN DAN KUASA BERHADAPAN DENGAN KUASA. INI TIDAK MENJADI REALITI BAGI SELATAN-UTARA.

24. KEBIMBANGAN SEKARANG IALAH ADANYA BAHAYA YANG LEBIH BESAR, BAHAYA MENGENAI BANYAK NEGARA SELATAN YANG DILUPAKAN, HILANG DI MATA, HILANG DI HATI, BERDIRI SUGUL DI TEPI, DIBAYANGI KEMISKINAN DAN KEMUNDURAN, SEDANGKAN SEJARAH DAN PEMBANGUNAN BERGERAK PANTAS MENINGGALKANNYA.

25. ADA BAHAYA BAHAWA DALAM LUANG TABIR BESI DARIPADA PERSETERUAN, KEBENCIAN DAN PRASANGKA YANG MEMISAHKAN TIMUR DAN BARAT, TERDAPAT JUGA TABIR PEMIKIRAN YANG TIDAK BOLEH DITEMBUSI, TIDAK MENGHORMATI DAN TIDAK BERMINAT UNTUK BERHUBUNG, PADA PIHAK NEGARA-NEGARA UTARA. SEKARANGLAH MASANYA BAGI NEGARA-NEGARA SELATAN PERLU DILIHAT, DIDENGAR, DIFAHAMI DAN MAMPU BERGERAK KE HADAPAN.

26. SAYA AMAT BERHARAP BAHAWA APA YANG KITA LAKUKAN PADA HARI INI DAN APA YANG AKAN KITA LAKUKAN PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG ANTARA KITA DAN DENGAN NEGARA-NEGARA UTARA, AKAN MEMASTIKAN BAHAWA GOLONGAN MISKIN AKAN DIDENGAR DAN SEBANYAK MUNGKIN DUNIA KETIGA AKAN MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA ARUS PEMBANGUNAN. SEKIRANYA INI TANGISAN DARI HUTAN BELANTARA, MARILAH KITA MENINGGATKAN DIRI KITA BAHAWA INILAH JUGA YANG MENJADI HARAPAN PARA SARJANA SELATAN YANG BERTEMU DI KUALA LUMPUR EMPAT TAHUN LEPAS. -- BERNAMA.

1657MST 03 08 90